



KEAKRABAN MALAYSIA-CHINA TANPA MENGORBANKAN KEDAULATAN

Dewasa ini, apabila menyebut China, masyarakat antarabangsa mahupun di negara ini memberi pelbagai pandangan dan reaksi terhadap negara Tembok Besar itu.

Bermula dengan sikap kurang sopan rakyatnya yang melancong ke negara ini, ingin menguasai Asia Tenggara dengan tuntutan terhadap seluruh rantau Laut Asia Tenggara, pencerobohan armada dan pesawat tenteranya di ruang udara negara ASEAN khususnya Malaysia, China turut dikatakan menjadi penyebab berlakunya pandemik COVID-19 yang pada ketika ini telah meragut jutaan nyawa di seluruh dunia. China semakin mendaki puncak tertinggi sebagai negara yang paling mendapat perhatian masyarakat antarabangsa ekoran muncul sebagai kuasa kedua terbesar dunia selepas Amerika Syarikat.

Sebagai sebuah negara kuasa besar terunggul di rantau Asia Pasifik dan antara negara kuasa besar dunia, memang tidak dapat dinafikan China dianggap sebagai tempat "bergantung" bagi sebahagian negara atas sebab kepentingan ekonomi dan politik. Namun begitu, bagi negara berkecuali seperti Malaysia, hal ini diibaratkan sebagai "ditelan mati emak, diluahkan mati bapa". Hal ini dikatakan demikian kerana, hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China telah terjalin sejak sekian lama, iaitu semasa Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein,

Perdana Menteri Malaysia Kedua melawat negara tersebut pada tahun 1974 sehingga mendatangkan banyak keuntungan kepada negara terutamanya dalam aspek ekonomi. Pembangunan ekonomi yang dinikmati oleh Malaysia bermula dekad 1980-an hingga era milenium disebabkan hubungan akrab dengan China.

Hubungan Malaysia-China sebenarnya telah bermula lama sebelum tahun 1974 dengan hubungan diplomatik antara kerajaan Melayu Melaka dengan Kerajaan Dinasti Ming pada suatu ketika dahulu. Hubungan yang terjalin sekian lama itu menunjukkan betapa akrabnya hubungan antara kedua-dua buah wilayah yang kemudiannya diperbaharui oleh Tun Abdul Razak Hussein dan Mao Zedong.

Perdagangan bilateral Malaysia-China mencatatkan keuntungan bernilai bilion ringgit pada setiap tahun, di samping pemindahan kepakaran antara kedua-dua buah negara yang merancakkan lagi hubungan diplomatik sedia ada. Statistik menunjukkan bahawa China adalah rakan dagang terbesar Malaysia selama 10 tahun berturut-turut, dengan perdagangan berkembang daripada 8.1 peratus kepada RM313.8 bilion pada tahun 2020. China juga menjadi sumber import terbesar

Malaysia, iaitu 19.9 peratus yang meliputi jumlah import keseluruhan bagi tahun 2018. Situasi menang-menang antara Malaysia-China ini jika diukur melalui bidang ekonomi sememangnya membawa pelbagai kebaikan untuk jangka masa panjang dan pendek kepada negara.

Maka itu, sudah pasti banyak perkara yang perlu dipertimbangkan oleh Malaysia untuk memantau tindak tanduk China yang semakin membimbangkan mutakhir ini. Walaupun begitu, kepentingan hubungan ekonomi dan persahabatan sekian lama bukan tiket untuk China mengesampingkan kedaulatan Malaysia sesuka hati. Wisma Putra telah dan perlu terus memainkan peranan penting dalam menangani isu yang ditimbulkan oleh China pada hari ini dan masa depan. Sering kali ancaman China terhadap kedaulatan kelihatan "dineutralkan" oleh Malaysia berikutan kepentingan ekonomi atas alasan hubungan diplomatik dengan China. Pembangunan ekonomi China dilihat sebagai pemangkin atau enjin pertumbuhan di rantau ini. Oleh sebab itu, negara-negara di rantau ini terutamanya Malaysia mampu mengaut keuntungan jika menjalankan dasar ekonomi yang baik dengan negara China. Dalam hal ini, pelbagai bidang boleh dimajukan misalnya

bidang perdagangan, pelaburan dan sebagainya.

Namun begitu, "Teori Ancaman China" turut melibatkan kepentingan nasional untuk Malaysia. Menurut Armitav Acharya dalam bukunya *Regionalism and Multilateralism: Essay on Cooperative Security in the Asia Pacific*, menyatakan ancaman ini dibuktikan melalui kebimbangan terhadap ancaman China yang disuarakan sendiri oleh pegawai atasan tertentu di negara ini yang menyebut China sebagai kuasa komunis yang "berpotensi menimbulkan ancaman utama kepada rantau ini". Lebih-lebih lagi, apabila melihat pembangunan tentera China yang bergerak daripada bercirikan defensif kepada berkonsepkan ofensif. Menurut Godwin pada tahun 1996, pengalaman China menguruskan konflik di Laut China Selatan terutamanya di Kepulauan Spratly juga menjadi punca terhadap kebimbangan tersebut. Pengalaman yang lepas jelas membuktikan bahawa China mampu melakukan tindakan seperti itu. Pada tahun 1974 misalnya, Beijing menggunakan kekuatan tenteranya untuk merampas dan menghalau tentera Vietnam Selatan dari Parcel dan menceroboh Pulau Robert serta menghalau keluar tentera Vietnam.

Pada Mac 1988, tentera laut China bertembung dengan kapal bantuan tentera Vietnam dan akibatnya hampir 72 orang tentera Vietnam maut dalam pertembungan itu. Pada tahun 1995, China juga menjalankan aktiviti provokasi di kawasan Spratly dengan mendirikan struktur kekal, lantas menimbulkan kemarahan Filipina. Situasi ini terus berlarutan sehingga kini dengan kehadiran armada ketenteraan China yang semakin bermaharajalela di rantau Laut Asia Tenggara sehingga melanggar batas sempadan wilayah kelautan Malaysia.

Kesemua isu ini dan beberapa contoh lain, merupakan antara contoh jelas "Teori Ancaman China" sememangnya bukan suatu mitos yang sengaja dicipta oleh Barat. Walau bagaimanapun, kesemua isu ini cuba diselesaikan oleh Malaysia melalui jalan penyelesaian yang terbaik dan berdiplomasi demi kepentingan bersama. Tindakan Malaysia berbuat demikian disebabkan menyedari bahawa kepentingan nasional melebihi segala-galanya. Dalam hal ini, Malaysia menyedari tentang kemampuan



Pembangunan ekonomi China dilihat sebagai pemangkin atau enjin pertumbuhan di rantau ini.

gergasi baharu ekonomi dunia tersebut perlu dilihat sebagai rakan dan bukannya sebagai ancaman untuk mengelakkan Malaysia terasing daripada pembangunan ekonomi dunia. Oleh hal yang demikian, jelas bahawa segala andaian yang mengaitkan China dengan ancaman sama ada ekonomi atau ketenteraan cuba dinafikan sekeras-kerasnya untuk tujuan kepentingan ekonomi dan perdagangan di negara ini.

Keadaan ini menjelaskan bahawa faktor kepentingan negara dalam bidang ekonomi begitu penting dalam menentukan dasar yang dijalankan oleh Malaysia terhadap China. Oleh itu, tidak menghairankan walaupun wujud beberapa isu berbangkit sama ada dalam bidang ekonomi ataupun melibatkan hal yang lain, Malaysia masih kekal dengan pendirian bahawa China sebagai ejen dan pemangkin pertumbuhan ekonomi negara dan menganggap peranan China sangat penting di rantau ini.

Persoalannya sampai bilakah kita perlu bergantung kepada mereka? Malaysia sememangnya tidak mempunyai kekuatan ekonomi dan ketenteraan yang setanding, apatah lagi melebihi China, namun jangan disebabkan keinginan untuk hidup "selesa" menjadikan Malaysia menurut kemahuan mereka mahupun mana-mana negara. Bagi pihak yang tersilap tafsir berikutan kenyataan Menteri Luar, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein yang menggelar China sebagai "abang besar" sebenarnya tidak lebih daripada sebuah kenyataan diplomatik dan hanya sebagai "pemanis bahasa" agar China terus selesa dengan hubungan diplomatik yang terjalin sekian lama. Jika tidak, pastinya Wisma Putra tidak akan menghantar nota bantahan kepada China berkaitan dengan tindak tanduk mereka menceroboh ruang angkasa Malaysia tempoh hari.

Walaupun bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa kerajaan seharusnya sentiasa memastikan negara tidak diambil

kesempatan oleh mana-mana negara sekalipun terdapat kepentingan ekonomi yang begitu signifikan. Bukankah sebagai sebuah negara yang neutral dan tidak berpihak kepada mana-mana kuasa besar menjadi asas penggubalan Dasar Luar Malaysia selama ini? Pada hakikatnya, hal ini perlu diteruskan oleh mana-mana parti politik sekalipun apabila berpeluang mentadbir negara tercinta ini. Oleh sebab itu, betapa perlunya untuk kita mengikuti rapat perkembangan arus globalisasi agar kita lebih bersedia dengan kedinamikan politik antarabangsa. Sememangnya struktur bipolar lebih stabil kerana menawarkan pilihan kepada negara kecil seperti Malaysia untuk menjalankan dasar bersifat strategik.

Dalam hal ini, isu diplomatik perlu ditangani dengan sebaik-baiknya, apatah lagi upaya negara yang terhad terutamanya dalam bidang ketenteraan. Mencari rakan sebanyak-banyaknya merupakan dasar utama negara sekian lama, namun untuk menyatakan China sebagai "abang besar" buat Malaysia dengan erti kata sebenar-benarnya adalah tidak sama sekali. Malaysia tidak sesekali mengamalkan dasar yang mempertuankan negara lain. Kerajaan sememangnya mengutamakan kepentingan nasional yang berpaksikan kedaulatan negara dalam sebarang dasar bilateral atau multilateral dengan mana-mana negara. Kunci utama kejayaan bagi sesebuah dasar luar mampu memberi impak kepada tatanan sosial, ekonomi dan keselamatan, selain keikhlasan kepimpinan negara serta kestabilan politik. Jika situasi politik negara tidak stabil, adakah dasar luar akan berkesan dalam menghadapi sebarang bentuk ancaman dari luar? Segala-galanya bermula dari dalam. □

Penulis, Penolong Pengarah di Kluster Kenegaraan, Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.